



Ahmed Keeler dilantik Felo Kehormat USIM

NILAI - Pengasas The Golden Web Foundation, Ahmed Keeler dilantik Felo Kehormat Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd. Yassin Muhammad di Fakulti Kepimpinan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama setahun bermula 1 Januari lepas.

Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa USIM, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani berkata, pelantikan Ahmed yang juga Felo Akademik di Universiti Cambridge, adalah signifikan dalam membantu USIM dan negara amnya untuk memperoleh input berkenaan perkembangan dakwah dan media di peringkat global.

"USIM menyasarkan untuk menjadi pusat rujukan global bagi integrasi ilmu

naqli dan aqli menjelang tahun 2025.

"Justeru, pelantikan Ahmad Keeler, seorang Muslim berbangsa Inggeris dan seorang tokoh terkemuka dari University Cambridge adalah langkah penting bagi menjalin hubungan akademik dan penyelidikan bersama universiti terkemuka dunia," kata Prof. Dr. Zulkiple dalam kenyataan hari ini. - Bernama